



# مؤتمر الإمام الشافعى الدولى

## IMAM AS-SYAFI'I INTERNATIONAL CONFERENCE

Seminar Antaraktaqwa Imam As-Syafi'i

Kemandirian Fiqh As-Syafi'i Dalam Mewujudkan Kemandirian Ummah

Sustainability of Fiqh As-Syafi'i in Driving the Prosperity of the Ummah

26-27 Syawal 1444 | 17-18 Mei 2023

Borneo Convention Centre Kuching

KERTAS KERJA 1

## **Pengaruh Mazhab Al-Syafi'i Dalam Pengeluaran Fatwa Di Malaysia: Pengalaman Sarawak**

Sahibus Samahah Datu Haji Kipli Bin Haji Yassin  
Faizal Bin Abdullah  
Jabatan Mufti Sarawak

### **Pendahuluan**

Hal ehwal agama di Malaysia adalah dibawah bidang kuasa negeri masing-masing. Perkara ini adalah sebagaimana termaktub dalam Perlembagaan Persekutuan.

Agama bagi Persekutuan<sup>1</sup>

3. (1) Islam ialah agama bagi Persekutuan; tetapi agama-agama lain boleh diamalkan dengan aman dan damai di mana-mana Bahagian Persekutuan.

(2) Di dalam tiap-tiap Negeri selain Negeri-Negeri yang tidak mempunyai Raja, kedudukan Raja sebagai Ketua agama Islam di Negerinya mengikut cara dan setakat yang diakui dan ditetapkan oleh Perlembagaan Negeri itu, dan, tertakluk kepada Perlembagaan itu, segala hak, keistimewaan, prerogatif dan kuasa yang dinikmati olehnya sebagai Ketua agama Islam, tidaklah tersentuh dan tercacat; tetapi dalam apa-apa perbuatan, amalan atau upacara yang berkenaan dengannya Majlis Raja-Raja telah bersetuju bahawa perbuatan, amalan atau upacara itu patut diperluas ke seluruh Persekutuan, setiap Raja lain hendaklah atas sifatnya sebagai Ketua agama Islam membenarkan Yang di-Pertuan Agong mewakilinya.

(3) Perlembagaan-Perlembagaan Negeri Melaka, Pulau Pinang, Sabah dan Sarawak hendaklah masing-masing membuat peruntukan bagi memberi Yang di-Pertuan Agong kedudukan sebagai Ketua agama Islam di Negeri itu.

---

<sup>1</sup> Undang-Undang Malaysia, Perlembagaan Persekutuan, 2009.

<https://www.jakess.gov.my/pdffile/ENAKMEN/Perlembagaan%20Persekutuan%20.pdf>

(4) Tiada apa-apa jua dalam ini mengurangkan mana-mana peruntukan lain dalam Perlembagaan ini.

(5) Walau apa pun apa-apa jua dalam Perlembagaan ini, Yang di-Pertuan Agong hendaklah menjadi Ketua Agama Islam di Wilayah-Wilayah Persekutuan Kuala Lumpur, Labuan dan Putrajaya; dan bagi maksud ini Parlimen boleh melalui undang-undang membuat peruntukan-peruntukan bagi mengawal selia hal ehwal agama Islam dan bagi menubuhkan suatu Majlis untuk menasihati Yang di-Pertuan Agong mengenai perkara-perkara yang berhubungan dengan agama Islam.

Peruntukan mengenai Islam dalam perlembagaan persekutuan menjelaskan bahawa kedudukan agama Islam dan institusi-institusi yang berkaitan dengannya di Malaysia adalah sentiasa dipelihara dan dilindungi. Bahkan ia menunjukkan Islam itu adalah agama yang tinggi darjat dan kedudukannya sekalipun dalam peruntukan tersebut tiada klausa mengenai Mazhab rasmi, namun enakmen atau ordinan negeri-negeri di Malaysia mengiktiraf mana-mana Mazhab yang sah dari segi undang-undang Islam untuk dirujuk dan digunakan. Justeru itu, pandangan Mazhab yang sering menjadi rujukan dalam hal ehwal agama adalah pendapat dalam Mazhab al-Syafi'i. Faktor Mazhab al-Syafi'i menjadi rujukan dan pegangan adalah kerana pengaruhnya yang telah berakar umbi dan kukuh dalam masyarakat sejak awal kedatangan Islam di Tanah Melayu lagi sehingga berkembang ke seluruh pelosok di Nusantara (Wan Mohd Khairul Firdaus Wan Khairuddin, et al. 2019).

Mazhab al-Syafii memainkan peranan utama dalam perkembangan pemikiran fiqh kepada masyarakat di Nusantara. Mazhab ini memberi kesan yang mendalam kepada masyarakat Islam Nusantara dan berkembang melalui dua kaedah iaitu; Pendidikan dan Perundangan.

Dalam Pendidikan tradisional Islam di Malaysia dan Indonesia, sama ada Pendidikan pondok, masjid, surau, sekolah agama dan pesantren, subjek fiqh dianggap penting dan

diajar di institusi-institusi tersebut. Buku-buku teks yang digunakan keseluruhan kandungannya beraliran Mazhab al-Syafi'i sama ada buku-buku itu dalam Bahasa Melayu Klasik dalam bertulisan jawi atau buku-buku Bahasa Arab (Muhammad Uthman, 1998, dlm. Mohd Yusri Bin Ibrahim, 2019).

Dalam perundangan jelas sekali pengaruh Mazhab al-Syafi'i. Selepas Malaysia mencapai kemerdekaan, semua Enakmen pentadbiran agama Islam negeri-negeri menyatakan tentang penggunaan Mazhab al-Syafi'i dalam pengeluaran fatwa, tafsiran hukum serta amalannya kecuali jika pendapat Mazhab al-Syafi'i itu membawa kepada keadaan yang bertentangan dengan maslahah masyarakat, maka Mazhab empat yang lain dapat diterimapakai. Selepas undang-undang pentadbiran agama Islam dipinda dan diperlengkapkan untuk digunakan di negeri-negeri, maka peruntukan yang mengikatnya dengan Mazhab al-Syafi'i masih dikekalkan (Zaini Nasohah, 2004) kecuali Negeri Perlis yang tidak mengikut peruntukan kerana berpegang dengan sumber yang asas iaitu Quran dan Sunnah. Selain itu, mengikut Enakmen Pentadbiran Agama Islam Negeri-negeri Melayu yang diselaraskan terdapat peruntukan mengikat Mazhab Syafii sebagai asas pengeluaran fatwa dan tafsiran hukum (Mohd Yusri Bin Ibrahim, 2019).

### **Pengeluaran Fatwa**

Dalam pengeluaran fatwa, setiap negeri ada badan atau jawatankuasa yang bertanggungjawab untuk menggalas tugas ini. Jawatankuasa ini biasanya mempunyai metodologi yang sama antara setiap negeri, hanya berbeza dalam hal tertentu.

Keputusan fatwa yang berlaku di hampir semua negeri di Malaysia adalah berasaskan pandangan Mazhab al-Syafi'i (Noor Naemah Abd. Rahman, et al. 2007). Pandangan ini telah menggambarkan keseluruhan negeri di Malaysia, dan dalam kertas ini akan membincangkan analisis pengaruh Mazhab al-Syafi'i dalam pengeluaran fatwa di Sarawak.

## Analisis Fatwa-fatwa Di Sarawak

Penubuhan Lembaga Fatwa seperti yang diperuntukkan dalam Ordinan Majlis Islam Sarawak, 2001 iaitu:

36. – (1) Maka hendaklah ditubuhkan bagi maksud Ordinan ini, suatu Lembaga Fatwa yang terdiri daripada Mufti dan tidak kurang daripada empat tetapi tidak lebih daripada lapan anggota lain yang hendaklah membantu dan menasihat Majlis atas semua perkara yang berhubungan dengan Undang-Undang Islam.

Kuasa Majlis untuk mengeluarkan *fatwa*

37. – (1) Majlis boleh mengeluarkan suatu fatwa atas apa-apa perkara atau rukun Undang-Undang Islam atau atas apa-apa perkara mengenai amalan agama Islam:

(a) atas daya usahanya sendiri; atau

(b) Sekiranya permintaan supaya dikeluarkan suatu fatwa dibuat oleh seseorang dalam golongan yang mempercayai agama Islam dan yang mewakili suatu bahagian daripada masyarakat Islam di dalam Negeri.

(2) (a) Sebaik sahaja menerima permintaan di bawah sub seksyen (1)(b), Setiausaha hendaklah segera mengemukakan permintaan itu kepada Mufti yang, jika berpuas hati bahawa *fatwa* yang diminta itu adalah berkaitan dengan perkara mengenai Undang-Undang Islam atau amalan agama Islam yang menarik minat atau menimbulkan kebimbangan kepada masyarakat Islam di dalam Negeri atau mana-mana bahagian daripadanya, akan menyebabkan dijalankan suatu kajian atau penyelidikan mengenai isu yang dibangkitkan dan fatwa yang dicadangkan diminta itu, untuk membolehkan Lembaga Fatwa menimbangteliti mengenainya.

*Qaul muktamad* yang hendaklah diikuti

39. – (1) Dalam mengeluarkan apa-apa *fatwa* dibawah seksyen 37, atau memperakukan pendapat di bawah seksyen 38, Majlis hendaklah pada lazimnya mengikut pendapat-pendapat yang diterima (*qaul muktamad*) *Mazhab Syafie*.

(2) Jika Majlis berpendapat bahawa dengan mengikut *qaul muktamad Mazhab Syafie* itu akan membawa kepada suatu keadaan yang bertentangan dengan kepentingan awam, maka Majlis boleh, dengan keizinan khas Yang di-Pertua Negeri, mengikut *qaul muktamad Mazhab Hanafi, Maliki atau Hanbali*.

(3) Jika Majlis berpendapat bahawa tiada satu pun *qaul muktamad* daripada empat *Mazhab* itu boleh diikuti tanpa membawa kepada suatu keadaan yang bertentangan dengan kepentingan awam, maka Majlis boleh, dengan keizinan khas Yang di-Pertua Negeri, membuat *fatwa* mengikut hematnya sendiri tanpa terikat dengan *qaul muktamad* mana-mana satu daripada *Mazhab* itu.

Ordinan Majlis Islam Sarawak, 2001 seperti yang dinyatakan di atas jelas memperuntukkan keutamaaan kepada *Mazhab al-Syafi'i* dalam pengeluaran fatwa. Ini menunjukkan pengaruh *Mazhab al-Syafi'i* yang signifikan di Sarawak. Dalam proses penfatwaan daripada penyelidikan dan penyediaan kertas untuk mesyuarat Lembaga Fatwa Sarawak, Jabatan Mufti Sarawak akan memberi keutamaan kepada *qaul* dalam *Mazhab al-Syafi'i* dalam masa yang sama *qaul* dari *Mazhab* lain juga diteliti untuk membuat perbandingan dan juga bagi memantapkan penyediaan sikhah fatwa yang lebih lengkap dan menyeluruh.

Sebagai contoh untuk menggambarkan pengaruh *Mazhab al-Syafi'i* dalam pengeluaran fatwa di Sarawak, diutarakan di sini beberapa fatwa yang dikeluarkan oleh Lembaga Fatwa Sarawak:

## 1. Hukum Makan Ngowang @ Mud Lobster (Thalassina Anomala)

Keputusan Lembaga Fatwa Sarawak berhubung Hukum Makan Ngowang @ Mud Lobster (Thalassina Anomala) dapat dilihat bagaimana keputusan mengambil kira pandangan Mazhab. Ngowang (Thalassina Anomala) adalah berada di bawah keluarga *Infraorders Gebiidea*. Semua peringkat kitaran hayatnya memerlukan air laut dan kebanyakan kitaran hayatnya di dalam lumpur. Semua perkembangan peringkat larva dan pasca-larva juga memerlukan air.

Ita mempunyai dua sistem pernafasan iaitu dalaman dan luaran.

- i. Sistem Pernafasan Dalaman: Mempunyai insang yang berfungsi membawa oksigen dalam sistem pernafasan dalaman ngowang ini.
- ii. Sistem Pernafasan Luaran: memiliki kebolehan menyerap kelembapan yang sekali gus menyerap oksigen melalui kulitnya (*ventilatory of scaphognathite and burrow irrigation by pleopods*) yang membolehkan ia menyesuaikan diri dengan keadaan sarangnya.

Semua spesis mud lobster tinggal di habitat laut atau di bawah pengaruh air laut. Sesetengah spesis boleh membiak di habitat yang bersaliniti rendah dan membuat migrasi besar-besaran ke dalam sungai. Kebanyakan mud lobster disifatkan sebagai haiwan pemalu yang lebih banyak berada di dalam sarangnya (*burrow*) dan jarang dilihat di luar sarangnya.

**Gambar 1 : Sarang atau lubang Thalassina Anomala (Ngowang)**



### Gambar 2<sup>2</sup> : Thalassina Anomala



Fig. 1. *Thalassina kelanang*, new species, holotype-male, TL = 150 mm, CL = 54.1 mm (ZMUM).

### Gambar 4<sup>3</sup>: Kitaran Hidup Thalassina Anomala




Fig. 69.29. Representative egg (prehatch embryo) and larval stages of infraorder Axiidea, family Callianassidae. A-B, *Callichirus major*, Brazilian population; A, late stage egg; and, B, prezoa




Fig. 69.30. Representative larval stages of infraorder Gebiidae, families Upogebidae, Laomedidae, and Axianassidae. A-F, *Upogebia* sp., Venezuelan population; A, zoea I lateral habitus; and, B, telson; C, zoea IV lateral habitus; and, D, tail fan; E, decapodid lateral habitus; and, F, tail fan

<sup>2</sup> <http://wildshores.blogspot.my/2009/09/oysters-of-singapore-new-species-of-mud.html>

<sup>3</sup> Peter C. Dworschak, Darryl L. Felder And Christopher C. Tudge, Infraorders Axiidea De Saint Laurent, 1979 And Gebiidea De Saint Laurent, 1979 (Formerly Known Collectively As Thalassinidea), Klein Brill Leiden Boston, 2012

Kajian hukum tentang Ngowang ini menunjukkan, rujukan awal dibuat dalam pandangan Mazhab al-Syafi'i khususnya berhubung haiwan yang zahirnya atau dianggap haiwan yang di dalam air dan di atas darat.

Menurut pandangan Ulama' Mazhab al-Syafi'i dalam *Sabil al-Muhtadin, Kitab al-Ath'imah* karangan Sheikh Muhammad Arshad bin Abdullah al-Banjari<sup>4</sup> menyebut bahawa haram memakan haiwan atau binatang yang hidup di dalam air dan di atas darat seperti buaya, katak, penyu, kura-kura, belangkas dan lain-lain.

Bagi tujuan perbincangan dan penyelidikan sebelum keputusan hukum dibuat pandangan daripada mazhab lain samada dari kitab mazhab tersebut atau dari kitab yang menukilkan pandangan pelbagai mazhab.

Pandangan Dr. Wahbah al-Zuhaily dalam kitabnya *al-Fiqh al-Islami wa Adillatuh* menyebutkan bahawa<sup>5</sup>:

Jumhur Ulama' selain Ulama' Mazhab Hanafi<sup>6</sup> berpendapat semua hidupan air seperti ikan dan seumpamanya yang tidak boleh hidup kecuali di dalam air seperti ketam, ular air, anjing laut atau babi laut dan sebagainya adalah halal dimakan tanpa perlu disembelih tanpa mengira bagaimana cara ia mati, baik ia mati sendirian ataupun dengan sebab-sebab nyata seperti terlanggar batu, dipukul oleh nelayan ataupun terdampar disebabkan air pasang atau air surut, dan sekiranya ia masih teguh atau terapung, harus mengambilnya dan menyembelihnya, tetapi sekiranya ia kembung dan terapung yang mana dibimbangi menyebabkan keracunan dan kemudaratannya, maka ia haram dimakan.

Berdasarkan dalam *al-Mausu'ah al-Fiqhiyyah*, ketam, buaya, ular air dan penyu adalah halal dimakan sekiranya ia adalah jenis haiwan yang hanya boleh tinggal di laut dan tidak

<sup>4</sup> Al-Banjari (t.t), *Sabil al-Muhtadin lil Tafaqquh fi al-Din*. jld.1-2, Thailand: Matba'ah bin Halabi, hlm.257.

<sup>5</sup> Wahbah al-Zuhaily. Jld. 4. *al-Fiqh Islami Wa Adillatuh*. Darul Fikir, hlm. 2791-2792

<sup>6</sup> Al-Qurtubi (1995), *Bidayah al-Mujtahid wa Nihayah al-Muqtasid*, jld.1, c.1, Dar al-Salam, hlm.1201, al-Shirazi (1995), *al-Muhazzab fi Fiqh al-Imam as-Syafi'i*. c.1, Beirut-Lubnan: Dar al-Kutub al-Ilmiyyah, jld.1, hlm.454-455, al-Sharbini (1997), *Mughni al-Muhtaj*. jld.4, c.1, Beirut-Lubnan: Dar al-Ma'rifah, hlm. 398.

boleh sama sekali hidup di darat. Namun, jika haiwan-haiwan ini boleh tinggal di darat dan laut (dua alam) maka ia haram dimakan.<sup>7</sup>

Ulama' Mazhab Hanbali berpandangan tentang haiwan hidupan laut seperti anjing laut, penyu dan ketam adalah halal dimakan sekiranya ia disembelih. Manakala katak, ular air dan buaya, mereka mengatakan, haram dimakan ketiga-tiga jenis haiwan tersebut kerana ada larangan membunuh bagi katak, ular air disebabkan kekotorannya, dan buaya disebabkan ia binatang yang ganas. Tetapi mereka memberi pengecualian kepada ikan jerung/ ikan yu, maka ia adalah halal dimakan kerana ia adalah jenis ikan yang tidak boleh hidup melainkan dalam laut.<sup>8</sup>

Rumusan daripada perbincangan ini maka Lembaga Fatwa Sarawak telah memutuskan:

- 1) Ngowang (Thalassina anomala) adalah daripada spesis *crustacean* iaitu haiwan bercengkerang seperti ketam dan udang. Ia merupakan hidupan air dan bernafas melalui insang.
- 2) Menurut pendapat Jumhur (ulama Mazhab al-Syafi'i, Hanafi, Maliki dan Hanbali) bahawa haiwan yang tinggal di dalam laut semata-mata dan tidak boleh hidup tanpa air adalah halal dimakan.
- 3) Firman Allah SWT dalam surah Fathir ayat 12 dan al-Maidah ayat 96 juga menunjukkan bahawa haiwan yang hidup di laut adalah halal dimakan.
- 4) Allah SWT tidak membezakan antara haiwan hidupan laut yang dinamakan oleh manusia sebagai ikan semata-mata tetapi termasuk juga khinzir laut yang tidak membawa maksud kepada khinzir yang ada. Berdasarkan hadis Nabi SAW pula:

هُوَ الظَّهُورُ مَا وُهُ الْحِلْلُ مَيْتَةٌ

---

<sup>7</sup> Wizarah Al Auqaf Wa As-Suun Al-Islamiah, 1993. *al-Mausu'ah al-Fiqhiyyah*, jld.5, Kuawit: Darul Sofwah. hlm.131

<sup>8</sup> *Ibid.*

Maksudnya: *Laut airnya suci dan menyucikan dan bangkainya adalah halal.*<sup>9</sup>  
(Hadis Riwayat al-Tirmizi, no: 69)

- 5) Ini menunjukkan bahawa dalil-dalil di atas menyokong semua jenis hidupan laut samada ditangkap/diambil semasa hidup mahu pun mati adalah halal dimakan dan samada juga mati terapung atau pun mati sebaliknya.

Selain daripada keputusan fatwa yang dikeluarkan oleh Lembaga Fatwa Sarawak sendiri, Lembaga Fatwa juga berperanan untuk mempertimbangkan keputusan Jawatankuasa Muzakarah Majlis Kebangsaan Bagi Hal Ehwal Ugama Islam Malaysia (MKI) berhubung sesuatu perkara khususnya yang bersifat nasional. Setelah Muzakarah MKI membuat keputusan berhubung sesuatu hukum, keputusan itu akan dibincang diperingkat negeri iaitu dalam mesyuarat Lembaga Fatwa, dan jika didapati perlu dan sesuai ia akan diputuskan sebagai fatwa dan diwartakan. Kebanyakan keputusan hukum ini juga lebih banyak dipengaruhi oleh pandangan dalam Mazhab al-Syafi'i dengan mengambil kira juga pandangan-pandangan lain. Biasanya jika difikirkan pandangan dalam Mazhab al-Syafi'i itu sesuai dan memadai maka keputusan akan dibuat berdasarkan Mazhab al-Syafi'i. Rujukan juga akan dibuat kepada pandangan Mazhab lain sebagai asas perbincangan. Sebagai contoh ialah keputusan Hukum Penggunaan Plasma Darah Dalam Makanan. Penyelidikan dan kertas berhubung hukum ini telah disediakan oleh Prof. Madya Dato Dr. Izhar Arif Mohamad Khasim serta pasukan penyelidiknya dan telah dibentang dalam Jawatankuasa Muzakarah Majlis Kebangsaan Bagi Hal Ehwal Ugama Islam Malaysia (MKI) kali ke 117 pada 25 hingga 29 Ogos 2020 dengan tajuk Pandangan Hukum Berkenaan Plasma Darah Dalam Makanan Mengikut Perspektif Syarak.

## 2. Plasma Darah

Kertas ini menjelaskan terlebih dahulu berhubung Plasma Darah, proses dan juga pengesanannya dalam makanan. Penemuan secara saintifik ini diperlukan untuk kita

---

<sup>9</sup> Sunan at-Tirmizi.

memahami dan mengenalpasti plasma darah ini dan bagaimana kita menghubungkannya dengan persoalan hukum.

Panduan umum pemilihan makanan dalam Islam ialah ia mestilah halal dan *tayyib* (baik). Makanan yang halal mestilah memenuhi kriteria yang telah digariskan oleh syarak. Antaranya, makanan tersebut bukan terdiri dari makanan yang haram dimakan seperti bangkai, darah, atau daging yang tidak boleh dimakan seperti babi. Hal ini dijelaskan di dalam firman Allah SWT:

حُرِّمَتْ عَلَيْكُمُ الْمَيْتَةُ وَالدَّمُ وَلَحْمُ الْخِنْزِيرِ وَمَا أَهْلَ لِغَيْرِ اللَّهِ بِهِ وَالْمُنْخَنِقَةُ وَالْمَوْقُوذَةُ وَالْمُتَرَدِّيَةُ  
وَالنَّطِيحَةُ وَمَا أَكَلَ الْسَّبُعُ إِلَّا مَا ذَكَيْتُمْ وَمَا ذُبِحَ عَلَى التُّصِّبِ وَأَنْ تَسْتَقْسِمُوا بِالْأَرْلَمَ ذَلِكُمْ  
فِسْقُ الْيَوْمِ يَبِسُ الَّذِينَ كَفَرُوا مِنْ دِينِكُمْ فَلَا تَخْشُوْهُمْ وَأَخْشُونَ الْيَوْمَ أَكْمَلْتُ لَكُمْ دِينَكُمْ  
وَأَتَمَّتْ عَلَيْكُمْ نِعْمَتِي وَرَضِيَتْ لَكُمُ الْإِسْلَامُ دِيَنًا فَمَنِ اضْطُرَّ فِي مَحْمَصَةٍ غَيْرَ مُتَجَانِفٍ لِإِثْمِ  
فَإِنَّ اللَّهَ غَفُورٌ رَّحِيمٌ

Maksudnya: “Diharamkan kepada kamu (memakan) bangkai (binatang yang tidak disembelih), dan darah (yang keluar mengalir), dan daging babi (termasuk semuanya) dan binatang-binatang yang disembelih kerana selain dari Allah, dan yang mati tercekit, dan yang mati dipukul, dan yang terjatuh dari tempat tinggi, dan yang mati ditanduk, dan yang mati dimakan binatang buas, kecuali yang sempat kamu sembelih, dan yang disembelih atas nama berhala, dan (diharamkan juga) kamu merenung nasib dengan batang-batang anak panah. Yang demikian itu adalah perbuatan fasik. Pada hari ini, orang kafir telah putus asa dari agama kamu, oleh itu, janganlah gentar kepada mereka. Pada hari ini, Aku telah sempurnakan bagi kamu agama kamu, dan Aku telah cukupkan nikmatku, dan aku telah meredahkan Islam sebagai agama kamu. Maka sesiapa yang terpaksa untuk memakannya, sedangkan dia tidak mahu untuk berbuat dosa, maka sesungguhnya Allah Maha Pengampun, lagi Maha Mengasihani.”

(Surah al-Maidah: 3)

Berdasarkan firman Allah SWT di atas, darah termasuk di dalam perkara yang tidak halal untuk dimakan. Perkataan “darah” yang dimaksudkan di dalam ayat ini ialah darah yang mengalir, bukan darah yang beku atau tidak mengalir yang wujud di dalam organ haiwan seperti hati, limpa atau apa sahaja yang tidak mengalirkan darah. Jika demikian, maka para ulama telah bersepakat bahawa ia tidaklah diharamkan (al-Tabari, 1999).

Manakala menurut hukum sains, darah merupakan sistem pengangkutan utama kepada badan manusia. Ini adalah kerana, ia bertanggungjawab sebagai medium yang membawa oksigen dan nutrisi penting kepada seluruh badan. Darah juga membawa bahan buangan seperti karbon dioksida kepada organ-organ yang terlibat untuk dinyahkan dari badan manusia (Home Medical Encyclopedia 1980). Darah merupakan sejenis cecair yang berwarna merah, tidak terlalu pekat dan tidak terlalu cair. Antara molekul yang terdapat di dalam darah ialah plasma, sel darah merah, sel darah putih dan platelet. Ia mengandungi hampir 55% daripada molekul plasma, 45% daripada sel darah merah dan putih manakala selebihnya ialah platelet (Johan Schaller 2008).

Sehubungan dengan itu, terkesan dengan arus perkembangan teknologi yang dinamik pada masa kini, plasma darah telah digunakan di dalam makanan sebagai bahan penambah makanan (additive food) (Ofori&Hseih 2014). Disebabkan kandungannya yang kaya dengan protein, maka ia digunakan sebagai pengental, pengilat dan bagi memastikan makanan yang dijual sentiasa nampak cantik dan segar (Hurtado et al. 2011). Protein plasma dari darah mempunyai kemampuan untuk melarut dan mengemulsi yang tinggi, kelikatan yang rendah serta berkemampuan untuk membentuk gel-gel yang kuat, mudah melentur serta dapat mengekalkan ciri-ciri tersebut (Ofori & Hseih 2012).

Plasma darah akan mengalami proses pengemparan (centrifuged) untuk menyingkirkan sel darah merah yang memberikan warna merah kepada darah. Dan setelah melalui beberapa proses akhirnya, yang tinggal hanya plasma darah yang berwarna kuning cair. Ia kemudian dikeringkan secara semburan dan digunakan sebagai sumber protein.

Plasma darah yang telah dihidrasi dan dikeringkan akan digunakan sebagai gelatin di dalam daging (S. Dailloux 2002). Darah ini kebiasaannya diambil dari rumah sembelihan dan dikitar semula di dalam makanan dan sumber darah ini datangnya dari haiwan seperti lembu,babi, kambing dan sebagainya (Mohammad Aizat Jamaluddin 2009).


Pengesanan Plasma Darah Melalui Tindakbalas Berantai Polymerase (PCR- Polymerase Chain Reaction).

Pengesanan plasma darah masih boleh dikesan pada bahan akhir suatu produk makanan. Pelbagai metod saintifik boleh digunakan untuk mengesan plasma darah. Namun, kajian ini memfokus satu metod sahaja iaitu pembuktian saintifik menggunakan metod PCR (Sahilah et al. 2014).

### 1) Rantaian Tindakbalas Polymerase (PCR)

Tindak balas rantaian polimerase (PCR) ialah kaedah yang digunakan untuk mereplikasi asid deoksiribonukleik (DNA) gen sasaran, supaya banyak salinan gen sasaran dihasilkan daripada jujukan DNA yang dikaji. PCR mampu menggandakan gen sasaran kepada jumlah yang banyak walaupun DNA asal yang digunakan sebagai templat PCR adalah sedikit. Tindak balas rantaian polimerase ialah proses penggandaan bilangan atau kandungan DNA. Ciri ini amat penting, jika DNA yang diekstrak berada pada kepekatan rendah, terutamanya kandungan DNA daripada kapsul ubat-ubatan, bebola daging, baja organik, gelatin, plasma darah dan lain-lain.

Rajah 1: Gandaan asid deoksiribonukleik (DNA) dalam proses PCR



## 2) Bebola Daging


Bebola daging adalah salah satu produk yang telah menjadi kegemaran ramai dan mungkin mengandungi bahan tambah makanan yang tidak dibenarkan seperti plasma darah haiwan. Plasma darah haiwan ini boleh memberikan ciri kekenyalan yang baik pada bebola daging. Selain dari itu, plasma darah dicampurkan ke dalam produk daging kerana ciri-ciri penggelan dan sebagai pengemulsi yang sangat baik (Herrero et al. 2009). Bebola daging boleh dibuat menggunakan daging lembu, ayam, babi atau ikan.

### i. Kaedah rawatan terma

Sampel bebola daging yang mengandungi 1% dan 5% (w/w) plasma babi dimasak secara berasingan dengan menggunakan kaedah rebusan, penggorengan, pemanggangan, memasak menggunakan ketuhar gelombang mikro, serta autoklaf. Kaedah pemanasan ini adalah berdasarkan kajian Arslan (et al. 2006) dengan sedikit ubah suai.


## 3) Penyediaan Plasma Darah

Sampel darah ayam (*Gallus gallus*) dan babi (*Sus scrofa*) diambil daripada pasar basah di Muar, Johor pada Mei 2015. Darah segar dikumpulkan di dalam tiub emparan (centrifuge tube) dan diletakkan di dalam bekas berisi ais semasa perjalanan (4oC) (Nurul Alina et al. 2013). Darah segar diempar menggunakan Rotofix 32A Benchtop Centrifuge Hettich Centrifuges (UK) selama 15 minit, kelajuan 2000-2500 rpm (Williams et al. 2014). Terdapat dua bahagian, bahagian atas adalah Plasma darah (kuning keperangan) (Rajah 2). Manakala, bahagian bawah adalah sel darah merah. Plasma darah atau bahagian atas dipindahkan ke dalam tiub plastik dan disimpan di dalam peti sejuk beku (-20oC) sehingga ia digunakan.



**Gambar 1:** Darah segar yang telah diemparkan akan terpisah kepada 2 bahagian. Bahagian atas adalah Plasma darah (kuning keperangan), bahagian bawah adalah sel darah merah.

Dalam menentukan hukum penggunaan plasma darah dalam makanan, kajian ini lebih cenderung kepada pendapat Mazhab al-Syafi'i (al-Nawawi 1996; al-Sharbini 1994) yang menghadkan konsep *Istiḥālah* kepada beberapa keadaan tertentu sahaja iaitu arak yang berubah menjadi cuka serta kulit binatang yang disamak kerana DNA sumber asal najis tidak dapat lagi dikenal pasti menerusi kaedah teknologi moden. Antara faktor kecenderungan kepada Mazhab al-Syafi'i adalah kerana amalan utama Mazhab di Malaysia ialah Mazhab al-Syafi'i. Tambahan pula, proses *Istiḥālah* yang terlibat dalam penghasilan makanan yang mengandungi plasma darah adalah tidak menepati konsep perubahan yang sebenar kerana bahan akhir yang terhasil masih lagi mempunyai ciri-ciri fizikal najis (najis al-'ain) sebagaimana digambarkan dalam Rajah 2.



**Rajah 2:** Proses *Istiḥālah* produk makanan yang bercampur plasma darah.  
Sumber: Mohd Izhar Ariff et.al 2015.

Daging sapi dan kambing atau doh isi ikan ialah bahan asal yang dikategorikan sebagai halal seterusnya melalui proses percampuran dengan agen perubahan yang haram, iaitu plasma darah haiwan dan mengalami proses perubahan sehingga menghasilkan bahan akhir iaitu produk makanan yang mengandungi plasma darah seperti surimi, atau daging proses yang dikategorikan sebagai haram (Mohd Izhar Ariff et.al 2015).

Berdasarkan struktur *Istihālah* yang dikemukakan, maka jelaslah bahawa produk makanan yang mengandungi plasma darah tidak menepati konsep *Istihālah* sebenar walaupun telah melalui proses perubahan tetapi tidak berlaku secara sempurna. Ini kerana bahan akhir yang terhasil masih mengekalkan ciri-ciri najis (najis al-'ain) iaitu darah menerusi penemuan sains di makmal. Maka, bahan akhir yang terhasil masih bernajis dan tidak suci. Hal ini disokong dengan bukti saintifik yang menyatakan bahawa plasma darah masih boleh dikesan pada bahan akhir walaupun telah melalui proses perubahan kimia, dan ia berbeza dengan perubahan kimia alkohol yang berubah kepada cuka.

Setelah dibincang dan mengambil kira pelbagai pandangan dan juga perspektif, maka dirumuskan hukum berhubung plasma darah ini adalah seperti berikut:

- i. Penggunaan darah yang mengalir dalam segala jenis makanan dan minuman adalah haram secara ijmak.
- ii. Penggunaan Plasma darah dalam produk makanan dan minuman adalah haram. Ini kerana beberapa sebab:
  - a. Penggunaan plasma darah pada hari ini belum sampai ke tahap yang mendesak atau darurat.
  - b. Terdapat bahan halal lain yang mampu menggantikan plasma darah dalam makanan atau minuman moden.

- c. Tidak berlaku sebarang proses *istihalah tammah* dalam penggunaan plasma darah. Ini kerana DNA spesis haiwan masih boleh dikenal pasti melalui teknik PCR.
- d. Menutup pintu-pintu keburukan di masa hadapan supaya darah haiwan tidak dikomersialkan sehingga menghalalkan sesuatu yang telah diharamkan oleh Islam.

### **3. Wakaf Tunai**

Satu lagi perspektif dalam penfatwaan ialah meluaskan rujukan kepada pendapat pelbagai Mazhab apabila melibatkan maslahah yang perlu dicapai dalam keadaan semasa. Lembaga Fatwa Sarawak telah membincangkan keputusan hukum berhubung wakaf tunai setelah meneneliti hasil kajian dan pembentangan oleh Prof. Madya Dr. Azman bin Mohd Noor dari International Institute of Islamic Banking and Finance, International Islamic University Malaysia.

Keharusan wakaf tunai telah dibincangkan secara mendalam oleh para fuqaha dan juga para ulama kontemporari seperti berikut:

Secara asasnya, wang tunai tidak bersifat kekal dan akan berpindah tangan apabila digunakan untuk perbelanjaan. Oleh itu, berdasarkan syarat utama wakaf yang disepakati oleh majoriti jumhur ulama klasik, iaitu subjek wakaf mestilah mempunyai ciri kekal, wang tunai tidak sah untuk dijadikan sebagai subjek wakaf. Walau bagaimanapun, para Fuqaha telah berbeza pandangan mengenai hukum wakaf tunai.

- i. Fuqaha yang tidak mengharuskan wakaf tunai.

Secara umumnya, majoriti fuqaha daripada Imam Hanafi dan Abu Yusuf, Mazhab al-Syafi'i dan Hanbali, dan satu pandangan dalam Mazhab Maliki tidak membenarkan

wakaf tunai. Mereka berpandangan segala barang yang tidak kekal dalam penggunaannya tidak boleh menjadi aset wakaf termasuklah wakaf tunai.

Berkata pengarang kitab *al-Fatawa al-Hindiyyah*:<sup>10</sup> “Sekiranya seseorang mewakafkan dirham, dinar atau pakaian, maka wakafnya tidak sah.”

Begin juga Imam Al-Mawardi<sup>11</sup> menyatakan: “wakaf dirham dan dinar tidak sah pewakafannya kerana ia tidak kekal bila dimanfaatkan - musnah (Istihlak), (maka tidak sah) seperti makanan.”

Ibn Qudamah<sup>12</sup> pula berkata: “Segala barang yang tidak kekal apabila dimanfaatkan seperti emas, perak, makanan dan minuman maka pewakafannya adalah tidak sah. yang dimaksudkan dengan emas dan perak di sini ialah dinar dan dirham.”

Berdasarkan pemerhatian melalui kajian, para fuqaha' tidak pernah menyatakan sebarang dalil yang jelas daripada al-Quran atau Sunnah yang menyebut bahawa wakaf tunai adalah tidak dibenarkan. Mereka menyatakan pandangan ini hanya dengan mengkiaskan dengan makanan dan minuman yang habis apabila digunakan, sedangkan wang tunai yang diwakafkan pada hakikatnya boleh dikekalkan dengan menukar bentuknya kepada aset yang lain. Bahkan pada hakikatnya wang tunai boleh kekal dalam bentuk fizikal atau nilai. Sebagai contoh, wang tunai tersebut dimanfaatkan melalui sewaan untuk tujuan perhiasan atau untuk tujuan pinjaman (qard).

---

<sup>10</sup> Al-Fatawa Al-Hindiyyah, Juz 2, Muka 362.

<sup>11</sup> Al-Mawardi, Al-Hawi Al-Kabir, juz 7, m/s 519

<sup>12</sup> Ibn Qudamah, Al-Mughni, juz 7, m.s 618

ii. Fuqaha yang mengharuskan wakaf tunai.

Sebahagian ulama Mazhab Hanafi seperti Zufar, ulama Mazhab Maliki dan sebahagian ulama Mazhab Hanbali membenarkan wakaf tunai<sup>13</sup>.

Ibn Taymiyyah menegaskan pandangan ini adalah pandangan yang sahih menurut Imam Ahmad.

Menurut al-'Aini<sup>14</sup>: "Berkata pengarang al-Muhit, hukum mewakafkan (manfaat) 150 dinar untuk rawatan sesuatu penyakit dan melakukan wasiat ke atasnya adalah dibenarkan. (Dalam kes wakaf) maka wang dinar tersebut akan diserahkan kepada seseorang untuk bermaga atas dasar mudharabah dan keuntungannya akan digunakan untuk merawat penyakit tersebut."

Berkata Ibn Abidin<sup>15</sup>: "Sesungguhnya dirham tidak tertentu dengan penentuan (التعين بالتعين), walaupun tidak dimanfaatkan dengan kekal fizikalnya, tetapi gantiannya mengambil tempat nilai yang asal, kerana dinar dan dirham itu tidak tertentu dengan penentuan. Oleh kerana itu (gantinya mengambil tempatnya), maka ia umpama kekal. Tidak dinafikan bahawa dinar dan dirham itu adalah harta alih, oleh kerana 'uruf kebiasaan masyarakat menerima sebarang sebarang transaksi dengannya, maka ia termasuk dalam perkara-perkara yang dibenarkan oleh Imam Muhammad .... daripada al-Ansari (salah seorang pengikut Imam Zufar), beliau ditanya berkenaan dengan hukum sesiapa yang mewakafkan dinar dan dirham atau sesuatu yang boleh disukat atau ditimbang: Adakah dibenarkan? Beliau menjawab: Ya. Apabila ditanya bagaimana, beliau menjawab: Dirham tersebut akan dijadikan modal mudharabah kemudian apabila mendapat untung, keuntungan tersebut akan diserahkan kepada manfaat wakaf seperti yang dinyatakan ..."

---

<sup>13</sup> Al-Zayla'I, Tabyin Al-Haqaiq, Juz 3, m/s 327. Al-Kharsyi, Hasyiatul Kharsyi 'Ala Mukhtasar Khalil, juz 7, m/s 80. Al-Mawardi Al-Hawi Al-Kabir, juz 7, m/s 519. Al-Mardawi, Al-Insaaf, Juz 16, m/s 377.

<sup>14</sup> Al-'Aini, Al-Binayah, Juz 6, m/s 912

<sup>15</sup> Ibn Abidin, Rad Al-Muhtar, juz 4, 363-364

Berkata Sheikh 'Alish<sup>16</sup>: "Berkenaan dengan hukum kesahihan wakaf bagi perkara-perkara yang tidak tertentu dengan penentuan umpama makanan, dinar dan dirham, untuk diberi hutang kepada mereka yang memerlukannya dan dibayar kembali dengan seumpamanya sebagai wakaf, dan begitulah seterusnya. Inilah pandangan yang diterima oleh pengarang Al-Mudawwanah. Ini jugalah pandangan Ibn Syaz dan Ibn Hajib."

Berdasarkan pandangan Mazhab Hanafi dan Maliki, wakaf tunai ini dibenarkan dan ia akan digunakan tanpa melupuskan fizikalnya seperti digunakan dalam perniagaan atas dasar mudharabah (Hanafi) atau diberikan hutang atas dasar pinjaman (qard) kepada mereka yang berhajat. Jelas daripada nukilan-nukilan ini bahawa terdapat kemungkinan untuk wang tunai dijadikan wakaf dan fizikalnya masih boleh dikekalkan dengan mengambil manfaat daripadanya.

Dalam konteks perbincangan ini, wang tunai yang diwakafkan akan ditukar dalam bentuk aset yang lain di mana manfaatnya boleh dinikmati tanpa melupuskan asetnya iaitu unit amanah.

#### Fatwa Kontemporari Berkенаan Wakaf Tunai

Setakat kajian ini dijalankan, perbezaan pendapat mengenai keharusan wakaf tunai hanya berlaku dalam kalangan ulama klasik. Dalam konteks ulama semasa (institusi fatwa atau individu), tiada pandangan yang tidak membenarkan wakaf tunai. Antara fatwa-fatwa dan pandangan-pandangan kontemporari yang membincangkan berkenaan dengan wakaf tunai adalah seperti berikut:

##### 1) Majlis Fatwa Kebangsaan

Wakaf tunai telah diiktiraf oleh Majlis Fatwa di Malaysia dalam Muzakarah Jawatankuasa Fatwa Majlis Kebangsaan Bagi Hal Ehwal Ugama Islam Malaysia Kali Ke-77 yang bersidang pada 10 - 12 April 2007.

---

<sup>16</sup> Alish, Manhul Jalil, juz 8, m/s 112

## 2) Majlis Fatwa Negeri-Negeri di Malaysia

Beberapa negeri di Malaysia turut mengeluarkan fatwa mengenai keharusan wakaf tunai, antaranya:

- i. Jawatankuasa Fatwa Negeri Selangor<sup>17</sup>
- ii. Jawatankuasa Fatwa Negeri Terengganu<sup>18</sup>
- iii. Jawatankuasa Fatwa Negeri Kedah<sup>19</sup>
- iv. Mesyuarat Jemaah Ulama Majlis Agama Islam dan Adat Istiadat Melayu Kelantan (MAIK)<sup>20</sup>

Akan tetapi, kebanyakan negeri-negeri yang melaksanakan wakaf tunai menghadkan aplikasi wakaf tunai yang sedang dilaksanakan oleh mereka. Ia dinyatakan secara khusus bahawa wang tunai yang dikutip mestilah digunakan untuk tujuan pembelian harta kekal atau sebagai pembiayaan kepada pembangunan harta wakaf yang sedia ada. Ini seolah-olah menjadikan wang tunai yang dikutip hanya sekadar pengantara untuk pembelian aset wakaf dan barang yang menjadi harta wakaf adalah aset tersebut, bukannya wang tunai tersebut walaupun ia dipanggil wakaf tunai. Takrifan wakaf tunai sebegini secara dasarnya adalah berbeza dengan maksud wakaf tunai yang dibincangkan oleh para fuqaha dalam kitab-kitab mereka seperti mana yang disebut dalam resolusi no. 140 oleh Majma Fiqh Islam Antarabangsa.

---

<sup>17</sup> "Keputusan Fatwa", laman sesawang Perbadanan Wakaf Selangor, Majlis Agama Islam Selangor, dicapai April 2023, <http://www.wakafselangor.gov.my/index.php/wakaf/produk-wakaf/wakaf-tunai>

<sup>18</sup> Pelaksanaan Wakaf Skim Tunai Terengganu", laman sesawang e-Smaf, Jabatan Kemajuan Islam Malaysia, dicapai April 2023, <http://e-smaf.islam.gov.my/e-smaf/index.php/main/mainv1/fatwa/pr/11767> .dan laman sesawang MAIDAM, <http://www.maidam.terengganu.gov.my/index.php/en/perkhidmatan-kami/wakaf-dan-sumber-am/wakaf/17-skim-wakaf-tunai>

<sup>19</sup> "Wakaf Tunai", lama sesawang Majlis Agama Islam Negeri Kedah Darul Aman, dicapai April 2023 2017, <https://maik.kedah.gov.my/index.php/wakaf-home/>

<sup>20</sup> "Pengenalan Wakaf", fatwa wakaf di Kelantan, laman sesawang Majlis Agama Islam Negeri Kelantan dicapai April 2023, <https://www.e-maik.my/v2/perkhidmatan-kami/wakaf>

### 3) Majlis Akademi Fiqh Islam Antarabangsa

Kejarusan wakaf tunai juga telah dibincangkan oleh Majlis Akademi Fiqh Islam Antarabangsa<sup>21</sup> dalam mesyuaratnya yang ke-15 pada 2004 di Muscat, Oman dan antaranya telah memutuskan:

- i. Wakaf wang tunai adalah dibenarkan daripada sudut Syariah kerana matlamat daripada wakaf adalah untuk mengekalkan aset asal dan mengambil manfaat daripada aset tersebut, dan kerana tunai tidak tertentu dengan penentuan ( لا تتعين ) ( وإنما تقوم أبداً لها مقامها ) ( بالتعين ) dan gantiannya adalah sama dengan asalnya.
- ii. Wakaf tunai adalah dibenarkan dengan tujuan pemberian *qardh hassan* dan pelaburan. Pelaburan itu boleh dilakukan sama ada secara langsung, atau dengan perkongsian bersama pewakaf yang lain ataupun dengan menerbitkan saham khas demi menggalakkan usaha wakaf dan penyertaan kolektif terhadapnya.
- iii. Seandainya wakaf tunai itu dilaburkan dalam harta kekal, umpamanya nazir (mutawalli) membeli harta tanah menggunakan wakaf tunai tersebut atau menjadikannya sebagai modal dalam sesuatu pembinaan, maka aset yang dibeli atau yang dibina itu tidak akan dianggap sebagai harta wakaf, sebaliknya nilai asal wang tunai yang dikira sebagai harta wakaf. Bahkan diharuskan untuk aset kekal itu dijual demi menjamin pelaburan supaya berkekalan. Dalam konteks ini harta wakaf sebenarnya adalah jumlah asal wang tunai yang diwakafkan.

---

<sup>21</sup> Majlis Akademi Fiqh Islam Antarabangsa adalah satu inisiatif oleh Pertubuhan Kerjasama Islam (*Organisation of Islamic Cooperation* atau OIC).

Mesyuarat Lembaga Fatwa Sarawak Kali Ke-30 yang bersidang pada 23 Rabiulawal 1439H bersamaan 12 Disember 2017M telah memutuskan bahawa:

1. Wakaf merupakan satu cabang ibadah kerana tujuan asas amalan wakaf adalah untuk mendekatkan diri dan mendapat keredhaan Allah SWT dengan cara membelanjakan harta ke jalan Allah SWT.
2. Dengan keterbukaan pandangan fiqh tanpa mengabaikan *dhawabit* dan hukum-hakam yang berkaitan, maka wakaf dan aset wakaf dapat dikembangkan dengan lebih baik, seterusnya dapat menarik umat Islam untuk menyumbang kepada pembangunan ummah dalam aspek keagamaan, pendidikan, kebajikan, ekonomi dan sosial.
3. Oleh yang demikian, mesyuarat sebulat suara memutuskan bahawa wakaf tunai, wakaf bertempoh, wakaf saham dan aset kewangan adalah diharuskan.

#### **4. Hukum Daging Korban Bagi Orang Yang Bukan Islam**

Lembaga Fatwa Sarawak juga telah memutuskan berkaitan Hukum Daging Korban Bagi Orang Yang Bukan Islam pada 16 Zulkaedah 1430H bersamaan 4 November 2009M. Mesyuarat memutuskan bahawa:

Daging korban sunat boleh dimakan atau diberi kepada orang bukan Islam dalam masalah terpencil (dalam keadaan tertentu) atas sebab maslahat dakwah dalam masyarakat majmuk, sementara korban wajib adalah tidak harus.

Keputusan yang diputuskan tersebut adalah berbeza dengan pandangan dalam Mazhab al-Syafi'i yang masyhur iaitu tidak membolehkan kerana ibadah korban bertujuan untuk menzahirkan ketataan dan mendekatkan diri kepada Allah SWT. Walau bagaimanapun, keputusan yang mengharuskan itu hanyalah untuk keadaan yang tertentu sahaja, iaitu di mana pemberian tersebut bukan semata-mata atau sengaja mencari orang bukan Islam untuk diberikan. Keadaan masyarakat di Sarawak yang pelbagai agama dan etnik tinggal

dalam perkampungan yang sama malah ada antara ahli keluarga yang berlainan agama tinggal serumah. Pilihan pendangan yang mengharuskan dalam konteks ini sangat perlu untuk mewujudkan suasana harmoni antara satu sama lain dan dalam masa yang sama dapat menzahirkan keindahan Islam dalam komuniti yang berbeza latarbelakang mereka. Walaupun keputusan yang mengharuskan ini berdasarkan kepada rujukan dalam mazhab dan pandangan yang lain, namun rujukan kepada Mazhab al-Syafi'i itu masih lagi diberi pertimbangan wajar apabila sifah keputusan itu meletakkan “dalam masalah terpencil (dalam keadaan tertentu) atas sebab maslahat dakwah dalam masyarakat majmuk”. Ini bermaksud keharusan itu meraikan keadaan masyarakat yang tinggal di Sarawak.

Pandangan yang mengharuskan ini juga disebutkan dalam Mazhab Hanbali dan Imam Abu Hanifah yang mengharuskan orang bukan Islam dihadiahkan atau diberikan daging korban sunat sahaja. Walau pun begitu, keutamaan memberikan daging korban kepada umat Islam yang lebih memerlukan adalah tetap didahulukan.

## Rumusan

Sebagaimana intipati tajuk kertas ini memfokuskan tentang Pengaruh Mazhab al-Syafi'i dalam Pengeluaran Fatwa dengan mengambil kira pengalaman di Sarawak, jelas sekali Daripada beberapa contoh keputusan fatwa yang dibuat di Sarawak menunjukkan pengaruh Mazhab al-Syafi'i yang signifikan. Hal ini berlaku disebabkan oleh faktor sejarah perkembangan Islam di Nusantara yang didominasi oleh para pendakwah yang bermazhab al-Syafi'i. Pengaruh ini juga sangat ketara kerana tercatat dalam Undang-undang sebagaimana dalam Ordinan Majlis Islam Sarawak 2001.

Keperluan kepada rujukan utama kepada pegangan Mazhab al-Syafi'i ini memberi manfaat yang besar kepada ummah. Apabila ada penyelarasan dalam pengeluaran fatwa setelah memberi keutamaan kepada Mazhab al-Syafi'i akan memberikan kesan dari segi kefahaman kepada umat Islam dan tidak menimbulkan kecelaruan dari segi amalan. Ini juga dapat menyerlahkan peranan ulil amri khususnya dalam memastikan umat Islam

terpimpin dengan pemahaman, pemikiran dan amalan yang betul serta selaras. Keadaan ini juga akan membawa kepada kesepaduan masyarakat yang sudah semestinya akan membawa negeri dan negara ke arah kemakmuran dan kemajuan.

Marilah kita berlapang dada dalam apa sahaja yang kita lakukan bagi memastikan kita hidup dalam keadaan aman damai. Kepatuhan kepada Ulil Amri termasuk dalam membuat keputusan hukum dan fatwa akan mewujudkan suasana yang sejahtera dan makmur di kalangan masyarakat. Sama-sama lah kita berusaha untuk mendalami ilmu Islam termasuk ilmu fiqh, supaya kita dapat beramal dengan betul dan tepat. Dari generasi ke generasi, budaya ilmu ini hendaklah dipupuk, disemarak dan dimajukan supaya umat Islam secara berterusan dalam keadaan makmur dan maju dan seterusnya dapat menjadi contoh kepada yang lain-lain.

**Rujukan:**

Al-Quran Al-Karim.

Al-Banjari (t.t), *Sabil al-Muhtadin lil Tafaqquh fi al-Din*. jld.1-2, Thailand: Matba'ah bin Halabi, hlm.257.

Al-Qurtubi (1995), *Bidayah al-Mujtahid wa Nihayah al-Muqtasid*, jld.1, c.1, Dar al-Salam, hlm.1201, al-Shirazi (1995), *al-Muhazzab fi Fiqh al-Imam as-Syafi'i*. c.1, Beirut-Lubnan: Dar al-Kutub al-Ilmiyyah, jld.1, hlm.454-455, al-Sharbini (1997), *Mughni al-Muhtaj*. jld.4, c.1, Beirut-Lubnan: Dar al-Ma'rifah, hlm. 398.

Al-Zayla'l, Tabyin Al-Haqaiq, Juz 3, m/s 327. Al-Kharsyi, Hasyiatul Kharsyi 'Ala Mukhtasar Khalil, juz 7, m/s 80. Al-Mawardi Al-Hawi Al-Kabir, juz 7, m/s 519. Al-Mardawi, Al-Insaaf, Juz 16, m/s 377.

Jabatan Mufti Sarawak. 2018, Keputusan Lembaga Fatwa Sarawak Kali Ke-31, "Hukum Memakan Ngowang @ Mud Lobster (*Thalassina Anomala*)".

Jabatan Mufti Sarawak. 2021, Keputusan Lembaga Fatwa Sarawak Kali Ke-36, "Hukum Penggunaan Plasma Darah Dalam Makanan".

Jabatan Mufti Sarawak. 2017, Keputusan Lembaga Fatwa Sarawak Kali Ke-30, "Wakaf Tunai, Wakaf Bertempoh, Wakaf Saham Dan Aset Kewangan".

Jabatan Mufti Sarawak. 2009, Keputusan Lembaga Fatwa Sarawak Kali Ke-16, "Hukum Daging Korban Bagi Orang Yang Bukan Islam".

Mohd Yusri Bin Ibrahim, 2019. Mazhab Syafie: Pengaruh Dan Perkembangannya Di Nusantara, *International Journal Of Humanities, Philosophy And Language*, 2(8), 51-62, doi: 10.35631/ijhpl.28004

Noor Naemah Abd. Rahman, Abdul Karim, Ridzwan Ahmad, 2007. "Keterikatan Fatwa Kepada Mazhab Syafi'i: Analisis Terhadap Fatwa-Fatwa Jemaah Ulama Majlis Agama Islam Dan Adat Istiadat Melayu Kelantan", Jurnal Fiqh APIUM, UM.

Ordinan Majlis Islam Sarawak, 2001.

Undang-Undang Malaysia, Perlembagaan Persekutuan, 2009.

<https://www.jakess.gov.my/pdffile/ENAKMEN/Perlembagaan%20Persekutuan%20.pdf>

Wahbah al-Zuhaily. Jld. 4. *al-Fiqh Islami Wa Adillatuh*. Darul Fikir, hlm. 2791-2792

Wan Mohd Khairul Firdaus Wan Khairuddin, Muhammad Alif md Aris, Abdul Hanis Embong, 2019. *Mazhab Syafi'i Legasi Dan Pengaruhnya Di Malaysia*, Kuala Neris, Terengganu: Universiti Sultan Zainal Abidin.

Wizarah Al Auqaf Wa As-Suun Al-Islamiah, 1993. *al-Mausu'ah al-Fiqhiyyah*, jld.5, Kuawit: Darul Sofwah. hlm.131